

ANASMA SYRUP 2 mg®

SALBUTAMOL 2 mg/5 mL

<u>What is in this leaflet:</u> 1. What Anasma Syrup 2 mg/5 mL is used for 2. How Anasma Syrup 2 mg/5 mL works 3. Before you use Anasma Syrup 2 mg/5 mL 4. How to take Anasma Syrup 2 mg/5 mL 5. While you are using Anasma Syrup 2 mg/5 mL 6. Side Effects 7. How to store and dispose 8. Product description <u>What Anasma Syrup 2 mg/5 mL is used for</u> Anasma Syrup 2 mg/5 mL is indicated for asthma, chronic bronchitis, obstructive lungs disease and other chronic lungs disorders. <u>How Anasma Syrup 2 mg/5 mL works</u> It contains salbutamol, which works by relaxing the muscles of the airways of the lungs, and facilitates in breathing. <u>Before you use Anasma Syrup 2 mg/5 mL</u> Anasma Syrup 2 mg/5 mL should not be used in patients with known allergy to salbutamol. This medicine should be used carefully in patients with medical problems such as: 1. Heart disease 2. Diabetes mellitus 3. Enlarged prostate 4. Excessive thyroid hormone Please inform your doctor if you are taking other medicines, especially: 1. Guanethidine, reserpine or methyldopa (for high blood pressure) 2. Monoamine oxidase inhibitors e.g. tranylcypromine (for depression) 3. Tricyclic antidepressants eg. amitriptyline (for depression) 4. Corticosteroid 5. Theophylline (for breathing problems)	<u>How to take Anasma Syrup 2 mg/5 mL</u> <u>How much to take</u> Always take Anasma Syrup 2 mg/5 mL exactly as your doctor's advice. If you are unsure, do check with your doctor or pharmacist. <u>Doses:</u> Adults : 2-4 mg (5-10 mL) three or four times a day. Your doctor may increase this gradually up to a maximum of 8 mg (20 mL) three or four times a day. Children (2-6 years) : 1-2 mg (2.5-5 mL) three or four times a day. Children (above 6 years) : 2 mg (5 mL) three or four times a day. <u>When to take it</u> Take 1 hour before or 2 hours after meal. <u>How long to take it</u> Do not stop taking this medicine even when you feel better, unless being advised by your doctor. <u>If you forget to take it</u> If you miss a dose of Anasma Syrup 2 mg/5 mL, take it as soon as possible. However, if its due for the next dose, skip the missed dose and continue with your regular dosing schedule. Do not double up the doses. <u>If you take too much (overdose)</u> If you have taken more than the prescribed dose, contact your doctor immediately. Signs of an overdose are chest pain, severe dizziness, prolonged headache, severe increase in blood pressure, continuous urge to or vomiting, unusual nervousness or restlessness and muscle twitching. <u>While you are using Anasma Syrup 2 mg/5 mL</u> Check with your doctor at once: 1. If you still have trouble in breathing 1 hour after using this medicine. 2. If your symptoms return within 4 hours after taking this medicine. 3. If your condition gets worse.	<u>Side Effects</u> Frequent incidents are urge to vomit, nervousness, trembling, and unusually fast or pounding heartbeat. Urination, dizziness or lightheadedness, dryness or irritation of the mouth and throat, headache, heartburn, increase or decrease in blood pressure, restlessness, trouble in sleeping, unusual taste in mouth and vomiting may occur less frequently. Usage during pregnancy and lactation should be considered based on risk benefit. <u>How to store and dispose</u> <u>Storage</u> Store below 25°C, away from direct light. Keep out of the reach of children. <u>Disposal</u> Do not dispose the medicine into wastewater or household garbage. Ask your pharmacist on the disposal of medicines. <u>Product Description</u> <u>What it looks like</u> Anasma Syrup 2 mg/5 mL is colourless, free flowing liquid with a combination of pineapple and sarsi odour. <u>Ingredients</u> The active substance of Anasma Syrup 2 mg/5 mL is salbutamol sulphate. The other ingredients of Anasma Syrup 2 mg /5 mL are sugar, sodium saccharine, methyl paraben, propyl paraben, pineapple flavour and sarsi flavour. Packed in 60 and 100 mL bottle. Packed in 3.6 L bottle (for tender only). <u>Registration Numbers:</u> Anasma Syrup 2 mg/5 mL: MAL19970654A <u>Manufactured by:</u> Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P) Lot 24, Bakar Arang Industrial Estate, Sungai Petani, Kedah, Malaysia. <u>Marketing Authorisation Holder</u> Idaman Pharma Sdn Bhd No. 17, Jalan Wangsa Delima 1A, Seksyen 5, Pusat Bandar Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur.
--	--	--

Date of revision:

20 April 2012

ANASMA SYRUP 2 mg®

SALBUTAMOL 2 mg/5 mL

<u>Apakah yang ada pada risalah ini:</u> 1. Apa kegunaan Sirap Anasma 2 mg/5 mL 2. Bagaimana Sirap Anasma 2 mg/5 mL berfungsi 3. Sebelum mengambil Sirap Anasma 2 mg/5 mL 4. Cara pengambilan Sirap Anasma 2 mg/5 mL 5. Semasa menggunakan Sirap Anasma 2 mg/5 mL 6. Kesan-kesan sampingan 7. Cara penyimpanan dan pelupusan 8. Diskripsi produk <u>Apa kegunaan Sirap Anasma 2 mg/5 mL</u> Sirap Anasma 2 mg/5 mL digunakan untuk asma, bronkitis yang serius, penyakit paru-paru yang lain. <u>Bagaimana Sirap Anasma 2 mg/5 mL berfungsi</u> Ubat ini mengandungi salbutamol yang berfungsi merehatkan otot paru-paru dan membantu dalam pernafasan. <u>Sebelum mengambil Sirap Anasma 2 mg/5 mL</u> Ubat ini tidak seharusnya digunakan pada pesakit yang mempunyai alahan terhadap salbutamol. Ubat ini harus digunakan berhati-hati pada pesakit yang mempunyai masalah perubatan seperti: 1. Penyakit jantung 2. Kencing manis 3. Pembesaran kelenjar prostat 4. Hormon tiroid berlebihan Sila maklumkan kepada doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, terutamanya: 1. Guanethidine, reserpine atau methyl dopa (untuk tekanan darah tinggi) 2. 'Monoamine oxidase inhibitors' contohnya tranylcypromine (untuk kemurungan) 3. 'Tricyclic antidepressants' contohnya amitriptyline (untuk kemurungan) 4. Corticosteroid 5. Theophylline (untuk masalah pernafasan)	<u>Cara pengambilan Sirap Anasma 2 mg/5 mL</u> <u>Berapa banyak untuk diambil</u> Sentiasa mengambil ubat ini tepat seperti arahan doktor anda. Jika anda was-was, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda <u>Dos:</u> Dewasa : 2-4 mg (5-10 mL) tiga atau empat kali sehari. Doktor anda mungkin akan meningkatkan dos secara berperingkat sehingga 8 mg (20 mL) tiga atau empat kali sehari. Kanak-kanak (2-6 tahun): 1-2 mg (2.5-5 mL) tiga atau empat kali sehari. Kanak-kanak (6 tahun ke atas): 2 mg (5 mL) tiga atau empat kali sehari. <u>Bila ubat diambil</u> Minum ubat ini 1 jam sebelum atau 2 jam selepas makan. <u>Berapa lama ubat diambil</u> Jangan berhenti minum ubat ini walaupun anda berasa lebih sihat melainkan atas arahan doktor anda. <u>Jika anda lupa mengambil ubat</u> Jika anda terlewat mengambil dos, ambil ubat secepat mungkin. Jika hampir masa untuk dos berikutnya, abaikan dos tersebut dan teruskan dos rutin anda. Jangan mengambil 2 dos sekaligus. <u>Jika anda terambil ubat terlalu banyak</u> Jika anda terambil dos lebih daripada yang ditetapkan, hubungi doktor serta merta. Tanda-tanda akibat dos berlebihan adalah sakit dada, pening yang teruk, sakit kepala yang berterusan, peningkatan tekanan darah yang teruk, loya atau muntah-muntah, rasa cemas yang luar biasa, keresahan dan sentakan otot. <u>Semasa menggunakan Sirap Anasma 2 mg/5 mL</u> Periksa dengan doktor anda serta-merta: 1. Jika anda masih mempunyai masalah pernafasan 1 jam selepas mengambil ubat ini. 2. Jika gejala anda kembali dalam masa 4 jam selepas mengambil ubat ini. 3. Jika keadaan anda menjadi lebih teruk.	<u>Kesan-kesan sampingan</u> Insiden yang kerap terjadi adalah loya, rasa cemas, menggeletar, dan denyutan jantung yang cepat atau berdebar-debar. Kencing, pening atau seperti rasa ringan kepala, kekeringan atau kerengsaan pada mulut dan tekak, sakit kepala, pedih ulu hati, peningkatan atau penurunan tekanan darah, keresahan, masalah untuk tidur, rasa luar biasa di dalam mulut dan muntah mungkin jarang berlaku. Penggunaan ubat ini semasa mengandung dan penyusuan perlu berdasarkan risiko dan manfaatnya. <u>Cara penyimpanan dan pelupusan</u> <u>Penyimpanan</u> Simpan di bawah suhu 25°C. Jauhi daripada cahaya dan kanak-kanak. <u>Pelupusan</u> Jangan buang ubat ke dalam longkang atau tong sampah. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda berkenaan cara pelupusan ubat. <u>Diskripsi produk</u> <u>Rupa produk</u> Sirap Anasma 2 mg / 5 mL ialah sirap tidak berwarna, cair dan beraroma campuran nenas dan sarsi. <u>Bahan kandungan</u> Bahan aktif ubat ini ialah 'salbutamol sulphate'. Kandungan lain Sirap Anasma 2 mg / 5 mL ialah gula, 'sodium saccharine', 'methyl paraben', 'propyl paraben', perisa nenas dan sarsi. Saiz pek ialah 60 mL dan 100 mL botol. Pek 3.6 L (untuk tender sahaja) <u>Nombor Pendaftaran:</u> Sirap Anasma 2 mg/5 mL: MAL19970654A <u>Dikilangkan oleh:</u> Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P) Lot 24, Bakar Arang Industrial Estate, Sungai Petani, Kedah, Malaysia. <u>Pemegang Kuasa Pemasaran</u> Idaman Pharma Sdn Bhd No. 17, Jalan Wangsa Delima 1A, Seksyen 5, Pusat Bandar Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur.
---	---	---

Tarikh semakan:

20 April 2012